

Hanya Melayu mampu selesai masalah Melayu

um - 12/9/2006

MASALAH kedudukan orang Melayu di Pulau Pinang ternyata mendapat perhatian banyak pihak.

Saya cukup bersetuju dengan pandangan Dr. Nungsari Ahmad Radhi dalam wawancara *Mingguan Malaysia* Ahad lalu iaitu isu mengenai Melayu Pulau Pinang adalah cerita lama dan menyedihkan. Juga kesimpulan wawancara dengan Datuk Mohd. Yusoff Latiff dengan katanya: "Kita mesti melantik mereka yang betul amanah, jujur dan ada masa."

Memang betul masalah Melayu Pulau Pinang bukan perkara dan isu baru walaupun negeri berkenaan pernah melahirkan pemimpin-pemimpin ternama termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri.

Sememangnya isu Melayu Pulau Pinang juga sering dibangkitkan oleh pelbagai pihak termasuk parti pembangkang tetapi ia seolah-olah tidak dipedulikan serta tidak mendapat tempat langsung.

Akhirnya apabila UMNO Bahagian

Pulau Pinang sendiri membuat desakan, barulah ada yang mempedulikan sedangkan jika perkara ini diberi perhatian sejak awal lagi tentulah ia tidak jadi seburuk seperti sekarang ini.

Bukankah mencegah lebih baik daripada mengubati. Menghalang kemungkinan berlakunya sesuatu perkara juga pasti lebih mudah daripada menyelesaikan apabila keadaan telah menjadi parah.

Kerana dilihat lemah dan retak menunggu belah sesama sendiri, maka Melayu Pulau Pinang yang sepatutnya dipedulikan sebagai bangsa pertuanan tidak mendapat perhatian yang sepatutnya.

Pihak yang mempunyai kuasa untuk mengangkat kedudukan orang Melayu di Pulau Pinang tidak menghiraukan masalah itu kerana mereka tahu bangsa Melayu tidak mampu berbuat apa-apa.

Saya yakin untuk menjadikan Melayu Pulau Pinang kuat dan 'dipedulikan' hanya ada satu teori yakni bersatu hati walaupun tidak seragam fahaman po-

litik.

Saya berpendapat antara faktor yang menyebabkan Melayu Pulau Pinang terpinggir ialah wujudnya sindrom polarisasi yang jika tidak dibendung dengan segera akan membawa masalah lebih besar.

Sepatutnya siapa pun yang mendiami Pulau Pinang hendaklah dianggap rakyat negeri itu dan berhak mendapat hak mereka secara sama rata tanpa mengira kaum dan agama.

Apabila peluang dan hak sama rata bangsa Melayu dinafikan ketuanan Melayu akan terpinggir dengan sendirinya sehingga menjadikan mereka umpama 'melukut di tepi gantang'.

Pemimpin-pemimpin Melayu peringkat negeri mahupun Pusat mesti menga-kui kesilapan dan kealpaan mereka meneliti masalah yang semakin parah ini.

Adalah tidak sesuai untuk mana-mana pemimpin menyembunyikan masalah yang boleh menjejaskan masa depan

bangsa Melayu itu sendiri kerana ibarat api semasa kecil yang tentunya mudah dipadam tetapi jika dibiarkan melarat pasti akan memusnahkan kawasan di sekelilingnya.

Masih belum terlambat untuk kita menyelesaikan masalah Melayu Pulau Pinang. Selain peranan pemimpin, Melayu Pulau Pinang sendiri mesti berusaha untuk bersaing dengan orang lain di samping bermuhasabah kenapa mereka boleh terpinggir dan dipinggirkan.

Jangan hanya mudah menuding jari ke arah orang lain. Harus diingat, ketika sebatang jari dituding ke arah orang lain, empat batang jari lagi tertuding ke diri sendiri.

Jangan terlalu bergantung kepada simpati orang lain untuk memperbaiki masalah Melayu Pulau Pinang tetapi Melayulah yang kena berusaha secara gigih.

**- RAMLI ABDUL HALIM,
Kota Bharu, Kelantan.**